

19 AUG 2003

I

SULTAN BRUNEI AKAN MELAWAT MALAYSIA SELAMA EMPAT HARI BERMULA KHAMIS
INI

KUALA LUMPUR, 19 Ogos (Bernama) -- Sultan Brunei Sultan Hassanal Bolkiah akan berangkat melakukan lawatan kerja ke Malaysia selama empat hari bermula Khamis ini sempena mesyuarat rundingan tahunan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pada satu kenyataan Wisma Putra di sini hari ini berkata, mesyuarat itu yang akan diadakan Jumaat ini antara lain membincangkan isu kepentingan bersama serta kerjasama untuk meningkatkan lagi hubungan duahala antara Malaysia dan Brunei.

Sultan Hassanal Bolkiah akan diiringi 11 pegawai kanan.

Semasa lawatan ke negara ini, Baginda dijangka berangkat menghadiri bankuet yang dihoskan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail di Istana Negara Sabtu ini dan juga jamuan malam yang dihoskan Datuk Seri Dr Mahathir di Seri Perdana, Putrajaya Jumaat ini.

-- BERNAMA

NN HK BK